

# Krisis kewangan Asia tidak akan berlaku

UM - 22 (9/2006)

NEW YORK 21 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi percaya rampasan kuasa di Thailand tidak akan sampai membawa kepada kejatuhan nilai mata wang serantau hingga boleh mengulangi krisis kewangan Asia seperti yang berlaku pada tahun 1997.

Bercakap pada sidang akhbar di sini hari ini, beliau bagaimanapun menjelaskan, kerajaan akan terus memantau keadaan di Thailand memandangkan ia berubah dari semasa ke semasa.

Abdullah yang berharap Thailand kembali kepada pemerintahan demokrasi akan membincangkan soal pengiktirafan dalam mesyuarat Kabinet.

Menurutnya, negara-negara anggota ASEAN juga akan menentukan sikap masing-masing.

Rampasan kuasa berlaku di Thailand, malam Selasa lalu diketuai Jeneral Sonthi Boonyaratglin ketika Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra berada di New York bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-61.